

# WACANA PNC

Wadah Ucapan: Menyatu Aspirasi, Mengungkap Visi, Memperkasa Komuniti



**PROF. DR.  
SALMIAH  
KASOLANG**

**PENOLONG NAIB  
CANSELOR  
(KEUSAHAWANAN)**

**AKADEMI PEMBANGUNAN  
PKS & KEUSAHAWANAN  
MALAYSIA (MASMED)**

Edisi 1/2024



0 34581 84028 54 2

WACANA PNC II | 6 JUN 2024

# MAJLIS PENUTUPAN “INTERNATIONAL SYMPOSIUM ON BUSINESS AND ENTREPRENEURSHIP (ISBE 1.0)”

DEWAN KULIAH 1 MASMED, KOMPLEKS USAHAWAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



## Memperkasakan mahasiswa madani

*Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang*

Alhamdulillah.... bersyukur kita ke hadirat Allah S.W.T kerana dapat kita bersama-sama berkumpul dalam majlis Penutup INTERNATIONAL SYMPOSIUM ON BUSINESS AND ENTREPRENEURSHIP (ISBE 1.0) yang bermula semalam.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Jawatankuasa Pelaksana INTERNATIONAL SYMPOSIUM ON BUSINESS AND ENTREPRENEURSHIP (ISBE 1.0) atas komitmen dalam memastikan kelancaran bengkel selama dua hari ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada delegasi-delegasi daripada UIN Mahmud Yunus Batangas kerana sudi untuk mengadakan lawatan penanda aras yang saya kira telah berjalan dengan jayanya. Banyak perkara yang telah dibincangkan oleh kedua-dua belah pihak selama 2 hari ini dan secara keseluruhannya impak daripada pertemuan ini akan pastinya memantapkan lagi jalinan kolaborasi antara UiTM dan UIN Mahmud Yunus Batangas. Sudah pasti banyak lagi program-program ilmiah yang boleh dilaksanakan pada masa akan datang dan saya berharap agar delegasi-delegasi UIN Mahmud Yunus Batangas tidak serik untuk mengunjungi kami lagi di sini.



Kami di sini sememangnya amat mengalu-alukan kedatangan institusi pendidikan daripada segenap pelusuk negara yang berhasrat untuk berkolaborasi bersama-sama kami dalam bidang keusahawanan mahupun bidang-bidang lain yang mana kita boleh memperluaskan lagi jalinan kerjasama daripada pelbagai dimensi.

Saya mewakili seluruh warga kerja MASMED memohon ampun dan maaf andai kata ada yang terkurang daripada pihak kami dalam menyantuni delegasi UIN Mahmud Yunus Batasangkar. Yang molek itu biarlah dibawa balik ke Padang dan yang tidak molek itu tinggallah di sini.

Saya juga difahamkan yang delegasi UIN Mahmud Yunus Batasangkar akan berlibur di Genting Highlands sebelum pulang ke Padang. Saya doakan agar perjalanan kalian berjalan lancar dan semoga bergembira hendaknya.

Maka dengan ini saya sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Weberakatuh. Sekian, Terima kasih.

**Yang molek itu  
biarlah dibawa  
balik ke Padang  
dan yang tidak  
molek itu  
tinggallah di  
sini.**



# Hubungi Kami

**Akademi Pembangunan PKS dan  
Keusahawanan Malaysia (MASMED)**

Kompleks Usahawan  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor



+603-5543 5665 / 5660



<https://masmed.uitm.edu.my>



[korporatmasmed@uitm.edu.my](mailto:korporatmasmed@uitm.edu.my)



Kompleks Usahawan, UiTM



**KOMPLEKS  
USAHAWAN**